



Fahami & Hayati Ibadah Qurban

Alhamdulillah, boleh dikatakan bilangan umat Islam yang mampu menunaikan ibadah qurban semakin hari semakin bertambah. Bagaimanapun, ada yang mempersoalkan adakah ibadah qurban yang mereka tunaikan mencapai matlamatnya?

Dalam banyak keadaan, pengagihan dilakukan secara tangkap muat menyebabkan ada daging qurban yang tersimpan dalam peti sejuk terlalu kerana penerimanya dari golongan yang berkemampuan. Ini satu pembaziran sedangkan masih ramai golongan yang menderita kebuluran memerlukan bantuan makanan.

Perkembangan ini memperlihatkan seolah-olah ibadah qurban, terutamanya dalam kelompok masyarakat berada atau kelas menengah di kawasan bandar, lebih menjurus kepada aktiviti sosial daripada memenuhi tuntutan agama.

*Walaupun **amalan biasa** yang kita laksanakan dengan mengagihkan daging qurban kepada orang miskin, jiran atau dimakan sendiri bersama keluarga tidak menjadi kesalahan, namun menyalurkan kesemuanya kepada saudara seagama kita yang betul-betul kebuluran adalah **amalan yang lebih afdhal dan mulia serta mendapat lebih keredhaan Allah S.W.T.** Kerana itu sama-samalah kita nikmati keredhaanNya dengan **memahami** dan **menghayati** amalan ibadah qurban yang sebenarnya.*

Amalan Qurban Yang Lebih Afdhal

Yayasan Kemanusiaan Muslim Aid Malaysia adalah sebuah organisasi bantuan dan pembangunan antarabangsa bersama-sama mengajak umat Islam di negara ini untuk menyertai program '**Qurban For Life**' (Q4L) bagi mendekati saudara seagama di seluruh dunia yang tidak mampu menikmati daging dan hidup dalam kedaifan berbanding umat Islam di negara ini.

Program Q4L ini sudah lebih 20 tahun dilaksanakan oleh rangkaian Muslim Aid dan pengagihannya dihantar hampir ke seluruh dunia Islam yang mengalami kemusnahan dan penderitaan seperti di Afghanistan, Afrika, Bangladesh, Indonesia, Iraq, Kashmir, Pakistan dan Palestin, malah rakyat termiskin di Malaysia.

Qurban dilakukan di pusat penyembelihan terpilih yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan penyeliaan ketat Muslim Aid. Daging qurban dimasak dan ditinkan sebelum dihantar ke negara terpilih yang mengalami penderitaan akibat bencana alam atau peperangan dan juga rakyat Malaysia yang miskin serta anak-anak yatim, ibu tunggal dan Orang Kurang Upaya (OKU).

Selain berpejabat di Malaysia, Australia, United Kingdom dan Jerman, rangkaian Muslim Aid juga mempunyai pejabat cawangan hampir diseluruh dunia Islam dan mereka bertanggungjawab menyaring setiap permohonan serta menyediakan laporan terperinci tentang pengagihan daging qurban berkenaan.

*Kami memberi jaminan
bahawa qurban anda sampai
ke matlamatnya.*

Kaedah Qurban Cara Muslim Aid

- 1 Pengetinan daging merupakan kaedah terbaik apabila penghantaran perlu dilakukan ke kawasan yang daif dari segi infrastrukturnya seperti ketiadaan bekalan elektrik. Cara ini juga dapat memastikan bekalan makanan ini sentiasa ada dan boleh dinikmati pada bila-bila masa.
- 2 Muslim Aid juga melaksanakan penyembelihan setempat iaitu melakukan ibadah qurban di negara-negara terpilih yang dikenalpasti rakyatnya hidup dalam kebuluran. Antaranya adalah Kemboja, Pakistan dan Palestin.
- 3 Selain dari penyembelihan setempat dan pengetinan, Muslim Aid juga menghantar daging beku ke kawasan yang sesuai dari segi infrastruktur dan budaya negara tertentu.

*Bertemakan **Sedekah Dari Rakyat Malaysia Untuk Masyarakat Dunia**, Muslim Aid melaksanakan ibadah qurban melalui kaedah teknologi moden dan sistem pengagihan yang teratur dan bersistematik.*

*Dengan hanya **RM380/seekor** kambing atau biri-biri, Muslim Aid akan menguruskan segala-galanya iaitu dari **penyembelihan, proses masakan, pengetinan dan penghantaran** ke destinasi terpilih atau **RM450** untuk satu bahagian lembu yang perlaksanaannya akan dilakukan di Masjid Negara.*

Yang pasti Qurban anda sampai kepada mereka yang amat memerlukannya sahaja.